

23/05/1998

JPM harus awasi semua MoU

HH

KETIKA berada di Khartoum minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan menegur ahli perniagaan Malaysia yang menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak asing.

Perdana Menteri terkilau kerana usahawan Malaysia yang terbabit dalam MoU tidak serius dalam melaksanakannya.

"Saya tidak berapa gemar dengan keadaan ahli perniagaan tidak mengambil serius MoU yang mereka tandatangani sewaktu mengiringi saya dalam lawatan ke luar negara," katanya.

Memang benar kebanyakan MoU yang ditandatangani ahli perniagaan yang mengikut beliau dalam lawatannya ke China, Amerika Selatan dan Asia Tengah beberapa tahun lalu langsung tidak dilaksanakan. Lebih dikesalkan, Dr Mahathir mendedahkan bagaimana seorang ahli perniagaan selepas mendapat satu kontrak besar, bukan saja tidak menjalankan projek itu, sebaliknya cuba pula menjual kontrak bernilai RM7 bilion itu kepada pihak ketiga.

Memang kita tidak tahu apa sudah jadi dengan MoU di antara berpuluh-puluh syarikat awam dengan rakan mereka termasuk di China yang ditandatangani pada Jun 1993. Masa itu, MoU itu dibuat sempena lawatan Perdana Menteri ke sana.

Dalam kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ketika itu, syarikat tempatan yang buat MOU itu kata mereka pada dasarnya sudah bersetuju dan menyatakan hasrat untuk menjalankan bermacam-macam projek dengan rakan di China.

Jika tidak silap, hampir 40 MoU ditandatangani. Ada syarikat yang kata mereka mahu buat projek infrastruktur, kilang pengeluaran, buat hotel dan projek besar lain yang kosnya berjuta-juta ringgit. Seperti biasa, sehari dua sebelum itu, saham syarikat yang tandatangani MoU itu yang disenaraikan di BSKL pun naik melonjak. Bila ada spekulasi macam itu, syarikat yang sahamnya tak pernah naik pun boleh melonjak tinggi, lebih-lebih lagi mahu majukan projek berbilion ringgit di seberang laut.

Beberapa tahun selepas itu pun, yang menyedihkan tak berapa kerat syarikat yang tandatangani MoU itu, mulakan projek mereka. Masing-masing senyap saja. Jika dahulu mereka beri alasan sedang dalam pertimbangan, sedang diusahakan, malah kajian daya maju sedang dibuat, sekarang alasan paling mudah ialah kegawatan ekonomi. Akhirnya MoU mereka senyap sunyi lebih-lebih lagi harga saham jatuh teruk. MoU agaknya sudah bertukar jadi MoM (Memorandum of Misunderstanding).

Barangkali langkah syarikat terbabit tandatangani dan umumkan MoU ketika itu, sekadar untuk sedapkan hati pemegang saham dan menarik orang ramai khususnya pelabur berminat terhadap saham mereka. Malah tidak keterlaluan jika kita katakan tindakan mereka itu juga mahu sedapkan hati Dr Mahathir, memeriah dan meramaikan ahli rombongan ke luar negara itu.

Ketam Batu ingat, ini bukan kali pertama Dr Mahathir tidak puas hati dengan masalah ini. Beberapa tahun lalu, dengar cerita, beliau pernah minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan kementerianannya teliti semula satu persatu MoU itu. Beliau mahu tengok laporan mengapa MoU itu semua tak dapat diterjemahkan menjadi projek berjaya sehingga boleh harumkan nama negara dan meningkatkan imej pelabur kita di seberang laut.

Kepada ahli perniagaan yang sudah tandatangani MoU ketika menyertai rombongan Perdana Menteri, tengok-tengoklah apa kesudahan persefahaman yang mereka buat itu. Jika tak boleh laksanakan, umumkan secara terus-

terang sebab ia tidak boleh diteruskan. Jangan pula malu-malu atau pun cuba melindunginya. Pemegang saham minoriti seperti kita ini pun mahu tahu apakah sebab sebenar keadaan ini berlaku.

Sekurang-kurangnya nanti kita tidaklah segan dengan rakan asing dan mula mengata pelabur kita hanya pandai tandatangani dokumen saja yang akhirnya berlapuk. Pemimpin kita pun taklah terasa malu sangat. Lain kali, mereka pun boleh pastikan siapa yang patut dibawa untuk sertai misi atau rombongan galakan perdagangan seperti itu. Bagaimanapun, kita bangga jika ada syarikat korporat kita berjaya hasil MoU yang mereka tandatangani depan Perdana Menteri kita.

Usahawan kita perlu ubah sikap. Mereka mesti ingat di sebalik kerajaan terus menggalakkan mereka melabur di luar negara, mereka harus sedar akan tanggungjawab untuk memelihara nama baik negara. Apabila mereka melabur di luar negeri, mereka sama seperti duta yang mewakili negara. Seperti rakyat, usahawan dan ahli korporat juga mesti menjadi warga yang baik dan berhemah dalam kegiatan yang mereka ceburi. Sudah pastinya kita semua mahu membuat keuntungan menerusi pelaburan di luar negara tetapi pada masa yang sama perlu menentukan nama baik Malaysia dipelihara.

Kita merasakan MoU syarikat Malaysia tidak bergerak disebabkan tidak ada susulan bersungguh-sungguh. Selain tidak memahami budaya kerja di negara asing, mereka juga kena tunjukkan setiap projek yang mahu dilaksanakan perlu lebih menggambarkan ia bermanfaat kepada syarikat, kerajaan dan rakyat di negara itu.

Mungkin sudah sampainya sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh kementerian Rafidah ataupun Jabatan Perdana Menteri (JPM) ditubuhkan untuk menilai semua MoU ini. Keadaan masih masih belum terlambat. Jawatankuasa ini wajar menyenaraihitamkan syarikat jika gagal dilaksanakan projek selepas MoU ditandatangani, tanpa alasan yang kukuh. Barangkali hukuman yang paling setimpal ialah tidak lagi mempelawa mereka terutama ketua eksekutif, pengerusi atau pengurusan tertinggi syarikat terbabit mengikuti rombongan Perdana Menteri pada masa depan.

Elok juga jika peraturan ini diterima dan dikuatkuasakan segera. Kita, pemimpin dan negara akan malu jika akhirnya perjanjian persefahaman bertukar menjadi penjanjian yang tidak bersefahaman lagi.

(END)